

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS
JALAN YAACOB LATIF, KUALA LUMPUR**

JABATAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI PROFESIONALISME KEGURUAN

PANDUAN PENULISAN ARTIKEL BULETIN PENYELIDIKAN

1.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan bagi menerbitkan artikel **Buletin Penyelidikan** terbitan Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Penyelidikan, Inovasi dan Profesionalisme Keguruan (JPIPK).

2.0 PENGENALAN

BULETIN PENYELIDIKAN adalah satu penerbitan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) sejak Oktober 2003. Buletin ini diterbitkan sebanyak dua kali setiap tahun. Penerbitan Buletin Penyelidikan adalah satu usaha bagi menggalakkan penulisan ilmiah dalam kalangan pensyarah di IPGKIK. Buletin ini menjadi *platfom* untuk mencetus dan menyebarkan idea-idea bernas serta berkongsi pengalaman dalam kalangan para pendidik untuk kepentingan institusi pendidikan dan seterusnya meningkatkan profesionalisme keguruan. Buletin Penyelidikan kini merupakan satu penerbitan berdaftar dan telah memperolehi nombor ISSN: 2232—1853 pada tahun 2012. Penerbitan Pertama Oktober 2003. Penerbitan kedua puluh tujuh akan diterbitkan pada bulan November 2016.

Buletin Penyelidikan menerbitkan artikel dwibahasa, iaitu artikel yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pelbagai jenis artikel atau penulisan dimuatkan dalam Buletin Penyelidikan ini, ianya termasuklah artikel yang berbentuk penulisan ilmiah yang berasaskan pengalaman atau yang berasaskan penyelidikan, ulasan buku, ulasan sumber berbentuk elektronik seperti tayangan video atau tayangan gambar. Kesemua artikel hendaklah berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, pengurusan pendidikan dan isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan. Sumbangan artikel adalah terbuka kepada warga IPGKIK.

3.0 SYARAT PENERIMAAN

Artikel yang dihantar hendaklah belum pernah diterbitkan dalam mana-mana jurnal, prosiding atau seumpamanya. Artikel perlu dihantar dalam bentuk salinan lembut (softcopy) format *Microsoft Word* dengan mengikut format seperti Perkara 4.0. dan 5.0. Artikel yang tidak mematuhi format penulisan boleh ditolak tanpa makluman.

Sekiranya penulis tidak menerima sebarang maklum balas dalam masa satu bulan dari tarikh artikel diserahkan, penulis bolehlah menganggap artikel tersebut tidak diterima untuk penerbitan.

4.0 FORMAT PENULISAN

Ukuran artikel dalam kertas A4 perlulah menggunakan jidar berikut :-

- (a) Atas: 2.54 cm
- (b) Bawah: 2.54 cm
- (e) Kiri: 2.54 cm
- (d) Kanan: 2.54 cm

Artikel perlulah ditaip menggunakan font jenis TIMES NEW ROMAN mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

- Bilangan muka surat – tidak melebihi **2 muka surat** termasuk senarai rujukan
- Jenis fon – Times New Roman
- Saiz fon– 12
- Langkau satu setengah baris
- Senaraikan satu (1) hingga sepuluh (10) rujukan dan ditulis mengikut format APA edisi ke 6

4.1 TAJUK

Tajuk hendaklah ringkas dan padat. Di bawah tajuk pula perlu diletakkan nama penuh **seorang penulis** artikel berkenaan beserta nama jabatan.

i. Tajuk artikel

- a. Saiz: 14 poin
- b. Bold & Uppercase
- c. Centered

ii. Nama Penulis

- a. Saiz: 11 poin

b. *Italic & Title Case*

c. *Centered*

iii. Jabatan Penulis

a. Saiz: 11 poin

b. *Italic & Title Case*

c. *Centered*

4.2 KANDUNGAN

Manuskrip boleh mengandungi beberapa bahagian mengikut kesesuaian seperti Pengenalan, Perbincangan dan Rumusan. Setiap bahagian perlu diberikan tajuk yang sesuai. Tajuk setiap bahagian tersebut perlu ditulis menggunakan format Bold, bersaiz 12 dan *Justified*. Manakala teks artikel pula ditulis menggunakan format Normal, bersaiz 12 dan *Justified*.

Setiap jadual dan gambar rajah perlu dirujuk terlebih dahulu sebelum dipersembahkan dan diikuti dengan keterangan berkaitan jadual dan gambarajah tersebut. Jadual dan gambarajah hendaklah lengkap, ringkas dan jelas serta diberikan tajuk yang bersesuaian. Jadual atau gambarajah ini juga hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1, Jadual 2 dan seterusnya atau Rajah 1, Rajah 2 dan seterusnya. Tajuk jadual perlu diletakkan di bahagian atas jadual, manakala tajuk rajah pula perlu diletakkan di bahagian bawah rajah. Perlu catatkan sumber asal rajah atau jadual yang diperolehi daripada sumber lain.

4.3 RUJUKAN

Semua rujukan yang disebut dalam teks mestilah disenaraikan. Senarai rujukan tidak boleh mengandungi sumber-sumber yang tidak dirujuk dalam artikel. Senarai rujukan yang lengkap hendaklah menggunakan sistem *American Psychological Association (APA)* edisi ke 6 iaitu penulis – tahun (author - date) mengikut abjad. Senarai rujukan hendaklah diletakkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip. Rujukan pula ditulis menggunakan format Normal, bersaiz 12 dan *Justified*.

5.0 SPESIFIKASI JARAK

Selain daripada panduan yang disenaraikan dalam 4.0 di atas, penulis diminta supaya mematuhi panduan berikut dalam penulisan artikel.

- i. Nama penulis (**seorang sahaja**) perlu diletakkan di bawah tajuk artikel dengan diselangkan sebanyak satu setengah baris
- ii. Jarak antara Tajuk dengan Nama Penulis dan di antara maklumat penulis dengan baris pertama teks ialah dua baris.
- iv. Jarak di antara sub-judul dengan baris terakhir teks sebelumnya ialah satu baris.
- v. Jarak di antara sub-judul dengan baris pertama teks selepasnya ialah satu baris.
- vi. Jarak di antara perenggan ialah satu baris.
- vii. Mulakan sub-judul berserta nombornya dari jidar kiri .
- viii. Mulakan baris pertama perenggan dengan TANPA jarak dari jidar kiri.
- ix. Jarak di antara ayat terakhir dengan Jadual, Rajah atau Ilustrasi ialah satu baris
- x. *Line Spacing* ialah 1.5.

6.0 HAK CIPTA

Segala manuskrip yang diterbitkan dalam BULETIN PENYELIDIKAN adalah menjadi hak milik mutlak IPGKIK. IPGKIK berhak menerbitkan semula manuskrip ini dalam pelbagai bentuk untuk tujuan ilmiah.

7.0 PENYERAHAN ARTIKEL

Pengarang perlu serahkan artikel melalui Ketua Jabatan masing-masing setelah disemak laras bahasa dan isi kandungannya. Tarikh tutup penyerahan artikel adalah **pada atau sebelum 18 Julai 2016**. Artikel hanya diterima melalui e-mail yang dihantar ke alamat email berikut: **jeya@ipik.edu.my**

8.0 PENERANGAN & MAKLUMAT LANJUT

Penjelasan & maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi JPIPK atau melalui e-mail: **jeya@ipik.edu.my**

Disediakan oleh

DR. JEYA A/P VELU

Penyelaras Buletin Penyelidikan
Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan